

Masyarakat dinasihati tidak ambil mudah isu akidah

Kuala Lumpur: "Isu berkaitan murtad bukan boleh dimain-main dan jangan mudah menghukum seseorang itu berdasarkan apa yang dizahirkan di laman sosial.

"Ini kerana hanya pihak mufti atau hakim syarie yang diamanahkan tanggungjawab itu saja yang boleh menentukan seseorang itu keluar (daripada Islam) atau pun tidak," demikian kata pendakwah bebas yang juga pensyarah kanan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Madya Datuk Dr Mohd Izhar Ariff.

Menurut Mohd Izhar, ini kerana jika tersilap menjatuh hukum dikhuatiri akan menyebabkan berlakunya kekhilafan.

Justeru, beliau menasihati masyarakat supaya peka dan tidak mengambil mudah berkaitan isu akidah.

Katanya, masyarakat perlu berhati-hati ketika mengulas isu berkenaan terutama di laman sosial dan sebaiknya merujuk kepada golongan agamawan atau ulamak terlebih dulu.

"Ia bagi mengelakkan apa juga pandangan berkaitan isu berkenaan disalah sangka kerana ada kemungkinan tafsiran yang kita tulis

itu membawa kepada murtad.

"Jadi, kita perlu lebih berwaspada dan pesan kepada anak-anak supaya sentiasa mengawasi pengisian laman sosial bagi mengelakkan kita tidak tergolong daripada golongan yang terkeluar dari akidah Islam seperti yang disyariatkan oleh Nabi Muhammad SAW," katanya

Mohamad Izhar mengulas mengenai video pengakuan terbuka seorang pemuda Melayu yang mengaku sudah keluar dari Islam seperti yang tular di media sosial sejak semalam.

Menerusi video berdurasi selama empat minit 50 saat itu, pemuda berkenaan mengakui sudah membuat ke-

putusan untuk keluar dari Islam dan ramai pengguna media sosial menganggapnya sudah murtad.

Pemuda terbabit mengakui keputusan itu adalah atas dasar pilihan dirinya sendiri.

Katanya, kepercayaan atau agama adalah perkara peribadi dan dia tidak mahu mengulas lanjut.

"Saya harap masyarakat menerimanya kerana ia membabitkan pilihan mana satu yang dirasakan betul," katanya.

Sementara itu, pengguna media sosial jelas terkejut dengan penyebaran video berkenaan dan mahu siasatan lanjut dilakukan.



Isu berkaitan murtad bukan boleh dimain-main dan jangan mudah menghukum seseorang itu berdasarkan apa yang dizahirkan di laman sosial"

Dr Mohd Izhar Ariff

